

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

PLG 427 - Falsafah Pendidikan I

Tarikh : 2 November 1987

Masa : 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Jawab TIGA soalan; SATU dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Terdapat pandangan-pandangan yang berbeza di antara golongan PERENIALIST dan PROGRESIF berhubung dengan konsep, matlamat dan proses pendidikan. Dengan memberi contoh-contoh yang spesifik, bincangkan perbezaan-perbezaan ini?

(40 markah)

2. Di dalam falsafah pendidikan, Jean Jacques Rousseau sering dikaitkan dengan aliran 'Naturalist'. Huraikan prinsip-prinsip asas aliran tersebut? Dengan merujuk kepada buku 'Emile' bincangkan saranan-saranan yang dibuat oleh Rousseau berhubung dengan pendidikan?

(40 markah)

3. Buat satu kritikan terhadap teori pendidikan yang disarankan oleh Plato?

(40 markah)

Bahagian B

4. Konsep 'kecemerlangan akademik' sekarang ini menjadi buah mulut bukan sahaja di kalangan golongan intelek di negara ini tetapi juga di seluruh dunia. Apakah dia 'kecemerlangan akademik'? Sarankan satu sistem pendidikan yang dapat menjamin 'kecemerlangan akademik' dengan mengambil kira faktor-faktor sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara.

(30 markah)

...2/-

5. Paulo Freire menekankan bahawa matlamat akhir pendidikan adalah ke arah pencapaian peringkat kesedaran yang kritikal (konsentisasi). Mengapa?

(30 markah)

6. Mengikut Nyerere, "Pendidikan yang disediakan mestilah sesungguhnya menggalakkan pertumbuhan di dalam setiap rakyat tentang tiga perkara: akal yang sentiasa ingin menyelidik; berkebolehan belajar daripada perbuatan orang lain, dan menolak atau meyesuaikannya berdasarkan kepada keperluannya sendiri; dan keyakinan asas di dalam kedudukannya sebagai seorang ahli yang bebas dan setaraf di dalam masyarakat, yang menilai orang lain dan dinilai oleh mereka berdasarkan apa yang ia lakukan dan tidak apa yang ia perolehi" (Nyerere, 1970:53). Huraikan langkah-langkah yang disarankan oleh Nyerere untuk mencapai matlamat pendidikan yang dinyatakan di atas?

(30 markah)

7. Illich telah menolak dasar-dasar "persekolahan" yang wujud masakini. Bincangkan hujah-hujah yang digunakannya untuk menyokong pembinaan sebuah masyarakat "deschooling".

oooo0000oooo